

CABARAN KELANGSUNGAN HIDUP WANITA COPRENEURS DI PULAU MABUL, SABAH

(*The Challenge of Survival among Women Copreneurs in Mabul Island*)

Kamsiah Mabaloh & Dzurizah Ibrahim

ABSTRAK

Perubahan sosial dan ekonomi pada masa kini adalah usaha meningkatkan pembangunan luar bandar yang boleh mengundang pelbagai tuntutan pekerjaan dan domestik yang perlu digalas untuk menjaga kelangsungan hidup di luar bandar. Hal ini dapat ditelusuri apabila wanita *copreneurs* dilihat menjadi pemain utama berdepan implikasi senario kehidupan untuk melaksanakan pelbagai peranan dan tanggungjawab antara kerja dan kehidupan di luar bandar. *Copreneurship* merupakan perniagaan suami dan isteri yang sifatnya saling berkongsi tanggungjawab, komitmen dan matlamat bersama. Lazimnya, *copreneurship* bertujuan mencapai keharmonian demi menjaga kelangsungan hidup kerana bekerja bersama pasangan dianggap memudahkan wanita *copreneurs* untuk menggalas tanggungjawab antara kerja dan bukan kerja. Namun, sejauhmana cabaran wanita *copreneurs* bekerja bersama pasangan demi mencapai keharmonian kelangsungan hidup seiring dengan intensiti sara hidup masa kini masih menjadi persoalan. Rentetan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran wanita *copreneurs* untuk mencapai kelangsungan hidup mereka di Pulau Mabul. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara mendalam ke atas 7 responden wanita *copreneurs* di Pulau Mabul. Dapatkan kajian menemukan wanita *copreneurs* berdepan masa kerja yang amat panjang dan mendominasi agihan tugas perniagaan serta rumahtangga berbanding pasangan. Bekerja bersama pasangan menyebabkan wanita *copreneurs* menjalankan tugas-tugas perniagaan dan berdepan cabaran masa kerja yang lama dan panjang. Wanita *copreneurs* dilihat bukan sahaja sebagai pelaksana menjaga rumahtangga namun dilihat juga sebagai pencari nafkah isi rumah. Ini bermakna, wanita *copreneurs* memikul peranan berganda dan berdepan dwi pekerjaan walaupun berada di luar bandar. Hal ini menunjukkan bahawa wanita *copreneurs* di Pulau Mabul berada pada kedudukan tinggi di luar bandar baik dari segi peranan sosial dan ekonomi untuk memenuhi keperluan rumahtangga dan kelangsungan hidup.

Kata kunci: cabaran, kelangsungan hidup, wanita *copreneurs*, komuniti pulau, *copreneurship*

ABSTRACT

Social and economic change today is an attempt to increase rural development that can invite a variety of employment and domestic demands in order to achieve sustainable rural living. Social and economic change nowadays is an attempt to increase the rural development which could invites various employment and domestic demands in order to sustain and survive in rural. It can

be traced when women copreneurs are seen as key players in facing the implications of life scenarios for performing various roles and responsibilities between work and life in rural. Copreneurship is a husband and wife business in which both of them shares their responsibilities, commitments and goals. Normally, copreneurship seeks to achieve harmony in order to maintain survival as working with a spouse is considered to facilitate women copreneurs in work and non-work responsibilities. However, how far are the challenges that women's copreneurs' faced in work with their partners in trying to achieve harmonious survival corresponding to the increased cost of living is still a question. In short, this paper aims to identify the challenges women copreneurs face in their lives on Mabul Island. Using qualitative methods, the researcher applied in-depth interviews to 7 women copreneurs in Mabul Island. The study found that women copreneurs facing a long working hours and dominate both the business and household tasks than their partner. Working with a partner causes women copreneurs to carry out business tasks with long working hours. Women copreneurs are seen not only as an executors of housekeeping but also as domestic breadwinners. This means that women copreneurs does not only take multiple roles but are also facing dual jobs even in rural areas. This indicates that women copreneurs on Mabul Island are well positioned in rural areas both socially and economically in achieving their household and survival needs.

Keywords: challenge, survival, women copreneurs, island community, copreneurship

PENGENALAN

Kehidupan di luar bandar mendorong cabaran yang berbeza dengan kehidupan di kawasan perbandaran. Ini kerana, kehidupan di luar bandar yang jauh daripada prasarana, kemudahan asas dan akses pendidikan menyukarkan penduduk di luar bandar untuk menjalani rutin kehidupan mereka. Namun demikian, perubahan sosial dan ekonomi yang berusaha membandarkan pembangunan luar bandar ini secara tidak langsung mendorong penduduk luar bandar untuk lebih bergiat aktif memikul pelbagai peranan dan tanggungjawab antara perihal kerja dan bukan kerja. Hal ini menumpukan kepada golongan wanita yang dilihat menjadi pelakon utama untuk bergiat lebih aktif menjaga keharmonian kelangsungan hidup di luar bandar. Senario ini dapat ditelusuri melalui wanita *copreneurs* yakni mereka yang mengusahakan perniagaan bersama pasangan secara bersama-sama. *Copreneurs* daripada golongan *copreneurship* merupakan pasangan suami dan isteri yang saling berkongsi komitmen, matlamat dan tanggungjawab dalam menjalankan perniagaan bersama (Barnett dan Barnett, 1989). Jenis perniagaan ini dilihat memiliki lingkaran hubungan pekerjaan dan peribadi yang saling bertindan antara pasangan suami dan isteri. Secara tidak langsung, keadaan ini mendorong implikasi cabaran yang besar khususnya golongan wanita *copreneurs* di luar bandar yang berdepan dengan pelbagai peranan kerja dan bukan kerja pada masa kini. Wanita *copreneurs* ini berdepan dengan pelbagai peranan dan tanggungjawab yang mana ia boleh mempengaruhi kualiti amalan kerja dan kehidupan mereka.

Wanita *copreneurs* yang dilihat bertujuan untuk mengendalikan perniagaan mereka bersama pasangan menjadi pilihan mereka untuk mencapai kelangsungan hidup di luar bandar. Mereka memilih untuk bekerja sendiri dengan mengusahakan sebuah perniagaan dengan niat untuk membantu pasangan mereka mencari pendapatan lebih (Norasmah *et al.*, 2016). Namun

demikian, keadaan ini mendesak wanita *copreneurs* untuk melibatkan diri secara maksima dalam memenuhi tuntutan kerja dan bukan kerja apabila hidup di luar bandar. Tambahan pula, kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan wanita *copreneurs* turut berusaha aktif dalam penglibatan pekerjaan dalam perniagaan untuk menjaga kelangsungan hidup di luar bandar. Justeru, keadaan ini menjadi titik tolak pengkaji untuk mengenal pasti sejauhmana cabaran kelangsungan hidup berlaku dalam kalangan wanita *copreneurs* di Pulau Mabul?.

SOROTAN LITERATUR

Istilah *copreneurship* adalah gabungan daripada dua perkataan bahasa Inggeris iaitu *couple* dan *entrepreneurship* yang bermaksud pasangan suami dan isteri yang saling berkongsi komitmen, matlamat dan tanggungjawab di bawah bumbung perniagaan yang sama (Barnett dan Barnett, 1989). Hal ini turut disokong oleh sarjana lain yang menyatakan bahawa jenis perniagaan ini berlandaskan kepercayaan, kesamarataan dan perkongsian bersama (Fitzgerald dan Muske, 2002). Lebih terperinci, indikator bagi *copreneurship* ini lazimnya di jalankan di luar bandar, perusahaan daripada rumah, memiliki keuntungan yang sederhana yang mencerminkan perniagaan secara bersama-sama (Fitzgerald dan Muske, 2002) dan perniagaan sepenuh masa (Dyer, 2003). *Copreneurship* ini tergolong dalam golongan perniagaan keluarga (Rutherford, Muse dan Oswald, 2006) yang lazimnya lebih dilihat cara hidup daripada menjana keuntungan perniagaan. Di samping itu, Raiha *et al.* (2015) juga turut menyifatkan jenis perniagaan ini berupaya meningkatkan ekonomi rumahtangga dan sumber perbelanjaan isi rumah. Hal ini menjelaskan bahawa jenis perniagaan ini berupaya memberi penghasilan dan perolehan positif bagi sesebuah aktiviti ekonomi kekeluargaan.

Jika dilihat dengan lebih mendalam, *copreneurship* merupakan satu bentuk trend keusahawanan yang bermula sekitar 1990-an yang telah mencorak dan membentuk kegiatan ekonomi pada abad ke-21 (Marshack, 1998). Malah, jenis perniagaan ini menunjukkan segmen yang semakin berkembang dari tahun ke tahun (Gardner, 1991). Malah, perniagaan *copreneurship* ini dianggap lebih menguntungkan daripada perniagaan bukan keluarga (Macheck *et al.*, 2014). Oleh hal yang demikian, makna dan konsep *copreneurship* ini adalah gabungan unit kecil perniagaan daripada pasangan suami dan isteri yang saling berkongsi perniagaan secara langsung mahupun tidak langsung untuk mengusahakan perniagaan bersama.

Kajian ini menumpukan terhadap golongan wanita *copreneurs* yang berdepan cabaran kelangsungan hidup di luar bandar. Berdasarkan sorotan literatur, wanita *copreneurs* memilih bekerja sendiri untuk mengusahakan perniagaan bersama pasangan merupakan salah satu faktor untuk mencapai kelangsungan hidup. Hal ini kerana, mereka akan membentuk gaya pengurusan perniagaan mengikut budi bicara mereka sendiri dalam usaha memenuhi jaminan kelangsungan hidup mereka di luar bandar. Menerusi kajian Smith (2000) di Australia yang menyatakan bahawa wanita *copreneurs* lebih berminat untuk bekerja sendiri bagi mengatur masa bekerja dan mempunyai deskripsi tugas perniagaan yang tersendiri. Ini kerana, mereka lebih selesa untuk melakukan penstrukturran pekerjaan sendiri berbanding bekerja dan menerima arahan orang lain.

Kajian daripada Raiha *et al.* (2015) menyatakan bahawa komuniti *copreneurs* terutama wanita *copreneurs* mengusahakan perniagaan adalah salah satu cara untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka seisi rumah. Menurut beliau, perniagaan adalah salah satu cara sumber ekonomi keluarga yang mampu menyumbang terhadap peningkatan perbelanjaan isi

rumah dan pendidikan anak-anak. Malahan, jenis perniagaan ini juga berupaya menyumbang dan menerima modal setiap masa untuk menjana pendapatan isi rumah. Ini turut disokong oleh Fletcher (2010) bahawa perniagaan keluarga ini menjadi sumber keutamaan ekonomi isi rumah golongan *copreneurs* sekali gus meningkatkan produktiviti kewangan rumahtangga. Selari penyataan yang dikeluarkan oleh Macheck *et al.* (2014) bahawa perniagaan keluarga memberi keuntungan berbanding perniagaan bukan keluarga.

Memandangkan konsep mengusahakan perniagaan keluarga ini adalah bekerja sendiri, maka wanita *copreneurs* berusaha untuk mendapatkan kualiti masa antara keluarga dan pekerjaan. Hal ini kerana, wanita *copreneurs* dilihat menumpukan terhadap tanggungjawab pengurusan perniagaan dan rumahtangga sekali gus. Hal ini turut dinyatakan oleh Norasmah *et al.* (2016) bahawa wanita *copreneur* berhasrat memulakan perniagaan untuk mencapai fleksibiliti dari segi masa antara perihal rumahtangga, perniagaan dan keluarga. Kajian empirikal daripada Williams (2008) juga menyifatkan faktor memulakan perniagan bersama pasangan ini adalah keinginan bagi wanita *copreneurs* untuk mendapatkan kualiti bersama keluarga di rumah. Oleh hal yang demikian, fleksibiliti masa terhadap dua peranan ini amat penting diperlukan sebagai seorang ibu untuk mencapai kelangsungan hidup seisi rumah di luar bandar. Oleh hal yang demikian, kajian ini menumpukan terhadap cabaran yang dialami oleh golongan wanita *copreneurs* untuk menjaga kelangsungan hidup di luar bandar.

METODOLOGI

Sesuai menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini bertujuan untuk memahami masalah sosial berdasarkan gambar yang menyeluruh dan kompleks (Creswell, 1994). Segala penerangan dan jawapan daripada responden adalah berdasarkan pengalaman mendalam berkenaan isu cabaran kelangsungan hidup wanita *copreneurs* di Pulau Mabul. Hal ini turut dinyatakan oleh Hall, Nordqvist dan Melin (2005) bahawa kaedah kualitatif ini penting digunakan untuk memahami pengalaman dan situasi antara suami dan isteri dalam perniagaan keluarga bersama. Maka, kertas kerja ini telah menemu bual seramai tujuh wanita *copreneurs* di Pulau Mabul yang mengusahakan perniagaan bersama pasangan.

Seiring menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dan persampelan bola salji. Hal ini kerana, pengkaji telah menetapkan kriteria bagi pemilihan responden adalah wanita yang mengusahakan perniagaan bersama pasangan di luar bandar. Daripada pemilihan subjek pertama responden, pengkaji akan bertanya dan meneliti subjek kajian seterusnya melalui responden pertama tadi. Ini kerana, pengkaji tidak mempunyai senarai subjek kajian wanita *copreneurs* di Pulau Mabul. Oleh hal yang demikian, kajian ini menggunakan temu bual mendalam di lapangan dengan memperoleh saiz sampel seramai tujuh responden wanita *copreneurs*. Saiz sampel ini diperoleh apabila pengkaji berupaya mengungkap penerangan secara keseluruhan daripada responden sehingga mencapai ketepuan data. Hal ini turut dinyatakan oleh Bryman (2012) dan Chua Yan Piaw (2006) bahawa saiz sampel yang diperoleh tidak terlalu besar dan kecil. Hal ini kerana, penggunaan saiz sampel yang besar akan menyukarkan proses analisis data. Dalam kertas kerja ini juga akan menggunakan analisis tematik bagi memudahkan analisis data dan perbincangan kajian dilakukan yang akan dibincangkan pada bahagian seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mengandungi profil perniagaan, profil responden dan dapatan daripada objektif kajian. Berikut merupakan profil perniagaan *copreneurship* dan profil responden wanita *copreneurs* pasangan responden. (Lihat Jadual 1 dan Jadual 2).

Jadual 1: Profil Perniagaan *Copreneurships* di Pulau Mabul

| Pemilik Perniagaan | Jenis Perniagaan | Tempoh Perniagaan | Pendaftaran | Masa Berniaga | Bilangan Pekerja (orang) |
|--------------------|--------------------------------------|-------------------|------------------------|---------------|--------------------------|
| Ani | Restoran, Kedai Runcit, Warung Makan | 10 Tahun ke atas | Majlis Daerah Semporna | 7 a.m - p.m | 11 5 |
| Bell | Kraftangan | 3 Tahun | Majlis Daerah Semporna | 7 a.m - 9 p.m | Tiada |
| Clay | Kedai Runcit | 1 Tahun | Majlis Daerah Semporna | 6 a.m - p.m | 10 Tiada |
| Dania | Restoran, Kedai Runcit | 10 tahun ke atas | Majlis Daerah Semporna | 7 a.m -10 p.m | 5 |
| Ema | Kedai Runcit | 10 Tahun Ke atas | Majlis Daerah Semporna | 6 a.m - p.m | 10 Tiada |
| Fina | Kedai Runcit | 1 tahun | Majlis Daerah Semporna | 7 a.m- 10 p.m | Tiada |
| Gina | Kedai Barang Terpakai, Runcit | 10 tahun ke atas | Majlis Daerah Semporna | 7 a.m-10 p.m | Tiada |

Sumber: Kajian Lapangan Penyelidik (2017)

Jadual 1 mengilustrasikan profil perniagaan *copreneurships* di Pulau Mabul yang telah menemukan seramai tujuh responden wanita *copreneurs* yang mengusahakan perniagaan bersama pasangan. Majoriti *copreneurs* di Pulau Mabul mengusahakan perniagaan kedai runcit sebagai asas untuk memulakan perniagaan mereka.

Selebihnya, adalah perniagaan restoran, warung makan, kraftangan dan kedai barang terpakai di Pulau Mabul. Malahan, majoriti perniagaan yang diusahakan hendaklah didaftarkan oleh Majlis Daerah Semporna untuk mendapatkan lesen perniagaan. Bukan itu sahaja, majoriti *copreneurs* di Pulau Mabul ini mengusahakan perniagaan daripada rumah. Justeru, bagi mematuhi etika penyelidikan maka pengkaji juga menggunakan nama samaran untuk semua responden bagi melindungi identiti responden.

Jadual 2: Profil Responden Wanita *Copreneurs* di Pulau Mabul

| Pasangan <i>Copreneurs</i> | Umur | Bangsa | Asal | Bilangan Tanggungan Anak (orang) |
|----------------------------|------|--------|----------|----------------------------------|
| Ani | 33 | Bajau | Semporna | 4 |

| | | | | |
|--------------|----|-------------|----------|---|
| Bell | 42 | Tagalog | Filipina | 2 |
| Clay | 31 | Bajau Suluk | Semporna | 5 |
| Dania | 50 | Bajau | Filipina | 2 |
| Ema | 40 | Bajau Suluk | Filipina | 5 |
| Fina | 30 | Bajau | Semporna | 4 |
| Gina | 50 | Bajau | Semporna | 4 |

Sumber: Kajian Lapangan Penyelidik (2017)

Jadual 2 mengilustrasikan profil responden wanita *copreneurs* di Pulau Mabul. Majoriti wanita *copreneurs* berusia antara 30 hingga 50-an dan berbangsa Bajau. Mereka juga berasal daripada Semporna dan memiliki lima dan ke bawah tanggungan anak. Profil demografi responden perlu di ambil kira untuk mengenal pasti latar belakang responden wanita *copreneurs* dalam kertas kerja ini.

Masa Kerja Panjang

Dapatan kajian menemukan bahawa wanita *copreneurs* berdepan dengan masa kerja yang panjang dan lama. Hal ini kerana, mereka mengusahakan perniagaan sepenuh masa dan setiap hari. Masa kerja lama perniagaan bagi wanita *copreneurs* boleh mengambil masa lebih daripada lapan jam sehari waktu bekerja. Hal ini dapat dilihat melalui respon wanita *copreneurs* di Pulau Mabul apabila ditanya mengenai masa kerja dalam usaha melaksanakan perniagaan mereka.

“saya paling lama bekerja sebab dari awal pagi hingga lewat malamkan..awal pagi buka kedai jam enam pagi, biasanya pelanggan datang jam tujuh atau lapan pagi untuk datang sarapan di warung makan ini. Sehingga lewat malam saya juga tetap bekerja ini.”

(Puan Ani, Peniaga Restoran, Kedai Runcit dan Warung Makan)

“satu hari saya buka kedai. Saya selalu datang awal pagi buka kedai. Biasalah bekerja lebih masa sudah setiap hari saya lalui tapi tidak sibuk manalah walau bekerja lebih masa setiap hari.”

(Puan Bell, Peniaga Kraftangan)

“awal pagi saya buka kedai memang sampailah lewat malam, tapi sepanjang sehari itu saya selalu menjaga kedai lah bergantung pada keadaan.”

(Puan Clay, Peniaga Peruncit)

Dapat dilihat bahawa dapatan kajian ini menemukan bahawa wanita *copreneurs* berdepan masa kerja yang lama dan panjang walaupun berada di luar bandar terutama kawasan kepulauan.

Mereka lebih banyak menggunakan masa mereka berbanding pasangan mereka untuk menjaga kedai seharian sehingga lewat malam.

Agihan Pengurusan Perniagaan

Memandangkan wanita *copreneurs* mengusahakan perniagaan bersama pasangan maka wujud agihan tugas perniagaan mereka bersama. Konsep perniagaan dijalankan bersama-sama namun wanita *copreneurs* dilihat melibatkan diri secara maksima dalam melaksanakan pengurusan perniagaan mereka. Justeru, ini dapat dilihat menerusi respon wanita *copreneurs* apabila ditanya siapa yang melakukan agihan tugas perniagaan ini.

“awal pagi memang saya mengemas terus kedai. Saya menyapu dalam hingga ke luar kedai. Mana barang yang tidak susun rapi itu saya kemaskanlah balik.”

(Puan Clay, Peniaga Peruncit)

“memanglah menjadi tugas biasa untuk kemas dan susun semua barang di kedai. Mana yang bahagian ubat, bahagian minuman, makanan ringan semua saya susun atur mengikut kategorinya dan tempat yang sepatutnya.”

(Puan Ema, Peniaga Peruncit)

“menjadi tugas saya awal pagi memang untuk mengemas kedai baru buka kedai itu. Mana barang runcit yang tidak tersusun rapi saya kemaskan.”

(Puan Fina, Peniaga Peruncit)

“biasanya saya tulis dan cek lah mana barang yang kurangkan. Itu tugas saya jugalah. Setiap minggu kena tengok mana barang yang kurang atau mahu habis sudah. Kalau kurang, kena tambah lagi stok.”

(Puan Gina, Peniaga Kedai Pakaian Terpakai dan Kedai Runcit)

Wanita *copreneurs* di Pulau Mabul memiliki tanggungjawab untuk menguruskan perniagaan mereka. Memandangkan majoriti perniagaan yang dijalankan adalah peruncitan, maka mereka lebih menumpukan tugas penyusunan kekemasan barang runcit dan penambahan stok barang runcit mereka. Agihan tugas perniagaan yang dimiliki oleh golongan wanita *copreneurs* ini lebih menjurus kepada tugas-tugas lazim perniagaan yang boleh dilakukan sendiri.

Agihan Tugas Perihal Rumahtangga

Dapatan kajian ini juga turut menemukan wanita *copreneurs* di Pulau Mabul mempunyai agihan tugas perihal rumah tangga yang perlu dilaksanakan. Hal ini kerana, mereka beranggapan bahawa agihan tugas berkenaan rumah tangga menjadi keutamaan sebagai seorang ibu dan isteri dalam sebuah isi rumah. Ini bermakna, tugas berkenaan rumah tangga ini menjadi tugas perdana di samping memiliki tugas perniagaan yang berganda. Berikut merupakan kenyataan responden wanita *copreneurs* apabila di tanya mengenai tugas perihal rumah tangga.

“biasalah tugas perempuan sebagai ibu kepada anak-anak dan isteri kepada suami di rumah ini. Saya akan memasak, awal pagi memang sudah kemas rumahlah. Menyapu halaman rumah juga awal pagi. Memang tugas wanita lah apabila sudah berkahwin.”

(Puan Ani, Peniaga Kedai Runcit, Restoran dan Warung Makan)

“awal pagi memang tugas saya memang bermasak. Kita tidak boleh suruh suami bermasak sebab itu memang tugas kita wanita buat kerja-kerja rumah.”

(Puan Clay, Peniaga Kedai Runcit)

“suami duduk saja di rumah tapi saya yang buat kerja-kerja rumah. Misalnya, tugas di rumah ini memasak, mengurus anak-anak dan mengemaslah ruang rumah. Setiap hari beginilah kerja saya.”

(Puan Ema, Peniaga Peruncit)

Dapat dirumuskan bahawa tugas perihal rumahtangga ini adalah berkenaan tugas hakiki yang perlu dilaksanakan wanita *copreneurs* sebagai seorang ibu dan isteri. Pengurusan anak-anak, rumahtangga dan hal kekeluargaan juga menjadi tugas lazim wanita *copreneurs* yang memerlukan mereka untuk berusaha mencapai keseimbangan antara kedua peranan berkenaan.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah mendapati bahawa wanita *copreneurs* berdepan pelbagai cabaran untuk mencapai kelangsungan hidup di kawasan kepulauan Mabul. Salah satu cabaran yang dikenal pasti adalah wanita *copreneurs* berdepan masa kerja yang lama dan panjang di premis perniagaan mereka. Walaupun mereka bekerja bersama pasangan, wanita *copreneurs* dianggap mendominasi terhadap masa kerja mereka yang melebihi lapan jam setiap sehari. Tambahan pula, perniagaan yang berkonsepkan daripada rumah mengundang wanita *copreneurs* lebih giat bekerja menguruskan perniagaan mereka setiap hari untuk menjaga kelangsungan hidup di Pulau Mabul. Masa kerja yang panjang di premis perniagaan ini mendorong mereka untuk meneliti setiap agihan tugas perniagaan misalnya pengurusan stok barang runcit, mengemas dan menyusun atur struktur barang runcit mereka. Ini bermakna, wanita *copreneurs* di Pulau Mabul dilihat lebih mahir dan mengetahui selok belok perniagaan untuk membantu mengukuhkan ekonomi rumahtangga mereka. Cabaran masa kerja yang lama dan panjang ini secara tidak langsung boleh mempengaruhi pengurusan rumahtangga wanita *copreneurs*. Dapatan kajian ini menemui persamaan dengan kajian lepas apabila wanita *copreneurs* berhadapan masa bekerja yang tidak tetap dan lama (Smith, 2000; Tompson dan Tompson, 2000). Hal ini turut dinyatakan oleh Norasmah *et al.* (2016) bahawa walaupun wanita *copreneurs* memilih bekerja bersama pasangan namun mereka juga berdepan dengan cabaran akibat daripada dwi pekerjaan mereka. Masa kerja yang panjang dilihat sebagai salah satu cabaran dalam mengusahakan perniagaan bersama dan merasa terbeban dengan pengurusan rumahtangga (Danes dan Olson, 2002). Cabaran masa kerja yang panjang terhadap wanita *copreneurs* di Pulau Mabul ini memberi satu implikasi besar yang mempengaruhi jaminan kelangsungan hidup mereka di luar bandar.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menemukan bahawa wanita *copreneurs* juga mendominasi terhadap tugas perniagaan mereka. Wanita *copreneurs* di Pulau Mabul dilihat lebih mahir dan arif mengenai selok belok perniagaan berbanding pasangan mereka. Mereka melaksanakan tugas perniagaan dengan lebih mendalam sebagai rutin kehidupan mereka. Tugas perniagaan peruncitan misalnya menyusun stok barang runcit, menyusun dan mengemas barang runcit dan mengurus premis perniagaan keseluruhannya. Cabaran ini dilihat dalam aspek tugas perniagaan yang banyak terhadap kelangsungan hidup mereka di Pulau Mabul. Dapatan kajian ini menemui persamaan dengan kajian lepas di Malaysia daripada Norasmah *et al.* (2016) yang mana wanita *copreneurs* memegang peranan atau tugas perniagaan yang mudah dikendalikan. Di samping itu, berbeza dengan kajian lepas lain (Marshack, 1993; Smith, 2000; Baetens, 2008) yang mendapati bahawa agihan tugas perniagaan dimiliki oleh lelaki *copreneurs* berbanding pasangan mereka. Ini kerana, lelaki *copreneurs* menganggap diri mereka sebagai pengurus untuk mengendalikan perniagaan mereka bersama. Oleh hal yang demikian, kajian ini menemui perbezaan dengan kajian lepas bahawa wanita *copreneurs* mendominasi tugas perniagaan mereka. Ini dilihat sebagai salah satu cabaran untuk menjaga kelangsungan hidup wanita *copreneurs* di Pulau Mabul.

Tambahan lagi, wanita *copreneurs* turut berhadapan dengan agihan tugas perihal rumahtangga sekali gus. Ini dilihat sebagai salah satu cabaran wanita *copreneurs* untuk sentiasa mengharmonikan kelangsungan hidup mereka di luar bandar. Mereka berdepan peranan bukan kerja yang melibatkan tuntutan urusan rumahtangga, perihal kekeluargaan dan anak-anak. Sebagai seorang ibu, mereka perlu mengambil peranan ini untuk menjadi keutamaan mereka melaksanakan perihal rumahtangga saban hari. Dapatan kajian ini menemui persamaan dengan kajian lepas bahawa wanita *copreneurs* masih memainkan peranan yang major terhadap pengurusan rumahtangga, penjagaan anak-anak termasuklah memasak dan mengurus rumah (Norasmah *et al.*, 2016). Hal ini kerana, lelaki *copreneurs* menyerahkan tugas dan tanggungjawab rumahtangga kepada pasangan mereka (Fitzgerald dan Muske, 2002). Sharma (2004) juga menyatakan bahawa wanita yang bekerja dalam perniagaan keluarga ini berkecenderungan melibatkan diri dalam pengurusan rumahtangga. Oleh hal yang demikian, wanita *copreneurs* di Pulau Mabul memegang pelbagai peranan dan tuntutan kerja dan bukan kerja yang berganda untuk menjaga kelangsungan hidup mereka di luar bandar.

Secara keseluruhannya, wanita *copreneurs* di Pulau Mabul berdepan cabaran terhadap masa kerja lama dan panjang di premis perniagaan mereka yang boleh mengundang kualiti masa kerja dan bukan kerja mereka. Selain itu, wanita *copreneurs* ini juga turut berdepan dengan peranan berganda antara pengurusan perniagaan dan rumahtangga di luar bandar. Cabaran ini mempengaruhi keharmonian wanita *copreneurs* untuk menjaga dan menjamin kelangsungan hidup mereka di luar bandar. Lazimnya, wanita *copreneurs* di Pulau Mabul mengusahakan perniagaan peruncitan dilihat sebagai salah satu sumber ekonomi rumahtangga bagi meningkatkan perbelanjaan mereka seisi rumah. Penglibatan wanita *copreneurs* di Pulau Mabul dilihat bukan sahaja sebagai pelengkap dalam kelangsungan hidup rumahtangga namun sebagai penentu untuk jaminan kelangsungan hidup seisi rumah. Malah, mereka lebih aktif melibatkan diri secara maksima sebagai pencari nafkah yang duduk sama tinggi dengan pasangan mereka dalam pekerjaan. Wanita *copreneurs* berupaya mengangkat dan membawa diri mereka untuk meningkatkan status sosial dan ekonomi melalui bekerja sendiri walaupun berada di luar bandar.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti cabaran kelangsungan hidup wanita *copreneurs* di Pulau Mabul. Desakan ekonomi dan sosial yang tinggi di luar bandar terutama bagi kawasan Mabul yang terkenal dengan pelancongan mendorong wanita *copreneurs* berkecenderungan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Di samping itu, kajian ini juga telah membentuk profil *copreneurship* di kawasan luar bandar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi dan perniagaan. Kajian ini dapat merintis ke atas kajian *copreneurship* yang masih kurang diberi perhatian di Malaysia (Raiha *et al.*, 2015). Malah, kajian ini juga berkepentingan ke atas *copreneurship* yang mempunyai sumbangan ke atas sosioekonomi keluarga. Isu ke atas wanita *copreneurs* yang bekerja bersama pasangan ini hakikatnya masih perlu diambil perhatian yang menunjukkan penglibatan tinggi dalam pekerjaan. Memandangkan trend pekerjaan terkini lebih menumpukan kepada konsep bekerja sendiri secara tidak langsung dipelopori oleh golongan wanita untuk menjaga kelangsungan hidup mereka di luar bandar.

RUJUKAN

- Baetens, K. (2008). *Copreneurial Family Businesses in Brussels. Determinants of Performance in the Family and in the Business*. Tesis Doktor Falsafah. Brussel University.
- Barnett, F. dan Barnett, S. (1989). Entrepreneurial Couples. *The Futurist*. 23(3).
- Bryman, A. (2012). Social Research Methods, 4thEdition. New York: Oxford University Press.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan Satistik Penyelidikan (Buku 1): Kaedah Penyelidikan. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Creswell, J.W. (1994). Research Design: Qualitative or Quantitative Approaches. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Danes, S.M. dan Olson, P.D. (2003). Women's Role Involvement in Family Businesses, Business Tension and Business Success. *Family Business Review*. 53-68.
- Dyer, W.G. Jr. (2003). The Family: The Missing Variable in Organizational Research. *Entrepreneurship: Theory and Practice*. 27(4), 401-416.
- Fitzgerald, M. dan Muske, G. (2002). Copreneur: An Exploration and Comparison to Other Family. *Family Business Review*. 15(1), 1–15.
- Fletcher, D. (2010). Life-making or risk taking? Co-prenuerhip and Family Business Start-ups. *International Small Business Journal*. 28(5), 452-469.
- Gardner, A. (1991). Family Matters, The B. C. Home Business Report, Summer. 8-11.
- Hall, A., Nordqvist, M. dan Melin, L. (2005). Qualitative Research in Family Business Studies: The Usefulness of the Interpretative Approach. *Paper presented at the FNB-ifera World Academic Research Forum*, EHSAL Brussels.
- Machek, O. J. Hnilica. dan M. Brabec. (2014). Current State of Knowledge on the Performance Gaps Between Family and Non-Family Firms. *International Advances in Economics Research*. 20(3). 349-350.
- Marshack, K.J. (1993). *Coentrepreneurial Couples: A Literature Review on Boundaries and Transitions Among Copreneurs*. *Family Business Review*. 4(4). Winter: Jossey-Bass Publishers.

- Marshack, K.J. (1998). Entrepreneurial Couples. Palo Alto: CA.
- Norasmah, O, Suzana, M. dan Salpoah. S. 2016. Motivation Factors of Couple Involvement in Copreneurship Businesses in Malaysia. *International Journal of Social Behavioral, Economic, Business and Industrial Engineering*. 10(1), 256-259.
- Raiha, A., Naquiah. dan Yan, S.Y. (2015). Membentuk Profil dan Memahami Persepsi Copreneurship di Johor Bahru, Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*. 3(1), 1-14.
- Rutherford, M. W., Muse, L. A. dan Oswald, S. L. (2006). A New Perspective on the Developmental Model for Family Business. *Family Business Review*. 19(4), 317-333.
- Sharma, P. (2004). An Overview of the Field of Family Business Studies: Current Status and Directions for the Future. *Family Business Review*. 17(1), 1-36.
- Smith, C.R. (2000). Managing Work and Family In Small Copreneurial Business: An Australian Study. *Women in Management Review*. 15, 283-289.
- Tompson, G.H. dan H.B. Tompson. (2000). Determinants of Successful Co-preneurship. ICSB World Conference. Brisbane, Australia.
- Williams, K. (2008). We Do: Copreneurs Simultaneously Build Happy Marriages and Thriving Enterprises. *Black Enterprise. World Conference*. Brisbane, Australia.

MAKLUMAT PENULIS

KAMSIAH BINTI MABALOH

Program Hubungan Industri
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
kamsiahmabaloh@yahoo.com

PROF MADYA DR DZURIZAH IBRAHIM

Program Hubungan Industri
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
idzuri@ums.edu.my